

31/03/1999

Pemimpin Pemuda Umno dirombak

KUALA LUMPUR, Selasa - Pergerakan Pemuda Umno merombak struktur majlisnya dan menyusun semula barisan kepimpinan di beberapa negeri bagi meningkatkan keberkesannya, terutama menjelang pilihan raya umum akan datang.

Mesyuarat Exco pergerakan itu yang dipengerusikan Pemangku Ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, di sini hari ini bersetuju anggota Majlis Pemuda Umno dikurangkan daripada 22 sebelum ini, menjadi 11 saja.

Dalam rombakan yang berkuat kuasa hari ini, pergerakan itu melantik Mohd Suparadi Md Noor sebagai Ketua Penerangan Pemuda Umno yang baru, menggantikan Datuk Abdul Fatah Iskandar.

Selain itu, tiga Ketua Pemuda Umno negeri yang baru turut dilantik iaitu bagi Kelantan, Sabah dan Johor.

Zahari Kechik dilantik sebagai Ketua Pemuda Umno Kelantan, manakala Ahmad Jazlan Yaakub sebagai Naib Ketua, Dali Hussin (Setiausaha), Nik Kamaruddin Nik Omar (Bendahari) dan Abdul Aziz Awang sebagai Ketua Penerangan.

Mesyuarat itu juga melantik Ketua Pemuda Kinabatangan, Juhari Janan, sebagai Ketua Pemuda Umno Sabah yang baru menggantikan Jema Khan Abdul Majid. Aliasgar Basri pula dilantik sebagai Ketua Penerangan Pemuda Umno Sabah yang baru.

Pergerakan itu turut melantik Dr Nasrah Salim sebagai Ketua Pemuda Negeri Johor, menggantikan Hasni Mohamad, manakala Jemangi Rekiyan sebagai Naib Ketua, Ayob Jamil (Bendahari) dan Jamil Amin (Ketua Penerangan).

Bagi Pergerakan Pemuda Umno Negeri Perak, Nasir Ismail dilantik sebagai Setiausahanya yang baru, manakala Ton Zailani Mat Darus sebagai Ketua Penerangan.

Pemuda Umno turut melantik Hasni yang juga Ketua Pemuda Pontian dan Ketua Pemuda Kuala Terengganu, Datuk Wan Ahmad Farid Datuk Wan Salleh, sebagai anggota baru Exco.

Di samping itu, Hasni dilantik sebagai Ketua Eksekutif Yayasan Gerakbakti Kebangsaan (YGK).

Empat Pemegang Amanah YGK yang baru dilantik pula ialah Pemangku Pergerakan Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein; Penolong Setiausaha Pemuda Umno, Zulkifli Alwi; Penolong Bendahari Pemuda Umno, Mokhzani Mahathir dan seorang Exco Pemuda Umno, Abdul Aziz Sheikh Fadzir.

Mengumumkan pelantikan itu, Hishammuddin berkata rombakan dan penyusunan semula itu bertujuan memberi peluang kepada rakan lain dalam pergerakan itu menyumbang dan bergerak secara berkesan dan optimum.

Antara tumpuannya ialah memastikan gerak kerja Pemuda dapat direncana dan dilaksanakan secara lebih berkesan di samping memastikan tindakan yang lebih fokus dan tepat mengenai sasaran.

Hishammuddin berharap, seluruh pimpinan Pemuda Umno bahagian menghormati dan memberi kerjasama penuh kepada mereka yang baru dilantik ke jawatan berkenaan.

"Suasana hari ini memerlukan barisan kepimpinan Pemuda di semua peringkat untuk menghayati dasar perjuangan parti secara menyeluruh dan bersedia membantu parti pada setiap masa, lebih-lebih lagi tatkala parti dan pucuk pimpinannya diserang sebegitu hebat.

"Saya mengingatkan rakan-rakan, kami tidak rela tindakan jahat dan sikap mereka yang sanggup membuat apa saja untuk kepentingan politik individu atau kepentingan golongan tertentu sehingga negara dan rakyat porak-

peranda," katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat selama empat jam di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Hishammuddin juga mengingatkan anggota pergerakan itu beliau akan mengambil tindakan tegas dan keras terhadap sesiapa saja yang bertindak jahat dan membuat apa saja untuk kepentingan politik individu atau kepentingan golongan tertentu sehingga negara dan rakyat diporak-perandakan.

Katanya, setiap aduan dan laporan terhadap anggota yang bertindak bertentangan dengan dasar parti akan disiasat.

Mengenai laporan ada Ketua Pemuda Umno cawangan menyertai Pas, Hishammuddin berkata beliau sudah mendengar laporan berkenaan dan mengadakan pertemuan dengan mereka yang dilaporkan terbabit dalam bentuk kekeluargaan.

(END)